

# Sasar jual 100,000 alat pengesan kanser servik di Indonesia

Oleh **SUFFIAN ABU BAKAR**

ekonomi@utusan.com.my

**MELAKA 22 Mei** - LaDIY Healthcare Sdn. Bhd., syarikat tempatan yang menghasilkan alat persampelan sendiri bagi mengesan kanser servik yang pertama di negara ini iaitu *Cervisafe*, menyasarkan jualan sebanyak 100,000 unit produk tersebut di Indonesia apabila ia memasuki negara itu Julai depan.

Pengarah Urusannya, Romli Ishak berkata, menerusi kerjasama syarikat itu dengan Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE) Universiti Putra Malaysia (UPM), produk tersebut mula dihasilkan sejak 2014 dan sehingga kini lebih 2,000 set *Cervisafe* telah dijual di pasaran tempatan.

"Produk ini yang dijual pada harga RM300 seunit dijangka akan dilancarkan di Indonesia Julai depan dan kita berharap dapat menjual sebanyak 100,000 unit di negara tersebut."

"Ketika ini *Cervisafe* sudah

dipasarkan di Afrika Selatan di mana kita ada ejen jualan di Johannesburg manakala di Turki pihak Kementerian Kesihatan negara itu sedang mengadakan pernilaian untuk produk ini sebelum ia dibenarkan untuk dipasarkan," katanya.

Beliau ditemui pada Program MSI *Cervisafe* anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang dirasmikan Timbalan Menterinya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah di sebuah hotel di sini semalam.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Datuk Norhalim Yunus; Pengarah Bahagian NICE MTDC, Mariamah Daud dan Pengarah CaRE UPM, Prof. Datin Dr. Rozi Mahmud.

Pada majlis itu, Abu Bakar mengumumkan kementeriannya memperuntukkan sejumlah RM300,000 menerusi peruntukan MOSTI Social Innovation (MSI) untuk mengagihkan seba-

nyak 700 *Cervisafe* kepada masyarakat di 10 lokasi di seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

Peruntukan tersebut disalurkan kepada MTDC iaitu agensi pelaksana bagi membangunkan projek berdasarkan teknologi dan inovasi bagi kehidupan masyarakat.

Sementara itu, Rozi berkata, alat berkenaan mudah dikendalikan dan mampu dimiliki golongan wanita berbanding caj bagi mendapatkan pemeriksaan berkenaan terutamanya di hospital swasta pada kadar antara RM700 hingga RM1,200 mengikut pakar.

"Alat persampelan bagi mengesan kanser servik seperti ini hanya dihasilkan syarikat di Belanda dan kajian dan penelidikan mengenainya dilakukan syarikat ini dengan kerjasama CaRE UPM sejak tahun 2011. Kami berterima kasih kepada MOSTI menerusi MTDC kerana membantu memasarkan produk tempatan di peringkat antarabangsa," katanya.